

# **WASIAH WAJIBAH KEPADA ANAK ANGKAT: ANALISIS TERHADAP KEPUTUSAN DAN METODE PENGHAMIM DALAM KES NO 459/Pdt.G/2013/PTA Sby**

*Wajibah Will toward Adopted Child: An Analysis  
of Decision and Method of Judgment in the Case  
Number 459/Pdt.G/2013/PTA Sby*

**Zakiyul Fuady Muhammad Daud \***  
**Raihanah Hj Azahari \*\***

## **ABSTRACT**

*Adoption is a common practice to continue the heredity. The purpose of this study is to identify and analyze the decision and methods of judgment used by the judge in awarding the wajibah will to the adopted child. This descriptive qualitative study uses an interview and documentation as collecting data method. The data analysis uses 4 stages recommended by Miles and Huberman. The findings of the study show that judges grant wajibah to adopt child and use the grammatical interpretation method toward the provisions contained in compilation of Islamic law (KHI) section 209. If the decision and method of judgment are analyzed in the perspective of shariah, they are not appropriate because the status of the adopted child is not equal to the biological child who has different positions in Islamic inheritance law.*

---

\* Postgraduate Student, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, izzahtazkia@yahoo.com

\*\* Assoc Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, raihan@um.edu.my

*While the methods used by the judges can indeed be used but it should refer to the provisions in Islamic inheritance law directly.*

**Keywords:** Adopted Child, Wajibah Will, Decision, Method of Judgment, Shariah

## PENDAHULUAN

Di Indonesia, pengambilan anak angkat merupakan satu keperluan dan telah menjadi amalan dalam kalangan masyarakat tempatan. Pengambilan anak angkat ini bertujuan untuk menghindari daripada perkara buruk yang berlaku kepada keluarga tertentu yang mungkin tidak dapat meneruskan keturunan mereka. Oleh itu, pengambilan anak angkat juga menjadi bahagian daripada sistem undang-undang kekeluargaan kerana ia berkaitan dengan kepentingan semua anggota dalam sesebuah keluarga.<sup>1</sup>

Berkaitan dengan undang-undang keluarga di Indonesia, terdapat tiga sistem undang-undang yang masih diamalkan dalam kalangan masyarakat tempatan, iaitu sistem undang-undang adat, undang-undang sivil dan hukum Islam. Berkenaan dengan undang-undang pengambilan anak angkat, mengikut undang-undang adat, sesetengah adat menetapkan status seseorang anak angkat itu sama seperti anak kandung kepada ibu bapa angkatnya. Ketetapan ini dianggap kekal sebagai keturunan mereka dan hubungan dengan ibu bapa asal mereka dianggap telah terputus. Undang-undang adat seperti ini lazimnya diamalkan oleh masyarakat di Bali. Manakala mengikut sesetengah adat yang lain, pengambilan anak angkat tidak akan memutuskan hubungan kekeluargaan antara si anak dengan ibu bapa mereka yang asal. Dalam masa yang sama, kedudukan anak angkat tersebut menjadi anggota keluarga angkatnya, tetapi tidak berperanan sebagai anak kandung yang akan meneruskan keturunan ibu bapa angkatnya. Adat ini diamalkan oleh masyarakat Jawa.<sup>2</sup> Terdapat perbezaan pandangan tentang kedudukan anak angkat dengan ibu bapa angkatnya,

<sup>1</sup> Sumiati Usman, "Kedudukan Hukum Anak Angkat Terhadap Hak Waris," *Lex Privatum* 1, no. 4(2013), 136.

<sup>2</sup> Sumiati Usman, "Kedudukan Hukum Anak Angkat Terhadap Hak Waris," 141.

yang akan menentukan kedudukannya sebagai ahli waris ataupun sebaliknya.

Sementara itu, mengikut undang-undang sivil di Indonesia sepertimana dalam *Staatsblad*<sup>3</sup>1917 Nombor 129 menyatakan bahawa nasab anak angkat dianggap terputus dengan ibu bapa kandungnya dan berlaku hubungan nasab dengan ibu bapa angkatnya. Sehingga kedudukan anak angkat tersebut sama seperti anak kandung dan menjadi ahli waris kepada ibu bapa angkatnya apabila mereka meninggal.<sup>4</sup>

Ketentuan yang terdapat dalam undang-undang sivil bertentangan dengan hukum Islam yang secara jelas Allah SWT menyatakan dalam al-Quran:

Terjemahan: “...*Allah sekali-kali tidak menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya; dan dia tidak menjadikan isteri-isterimu yang kamu zihar itu sebagai ibumu, dan dia tidak menjadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataanmu di mulutmu sahaja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan Dia menunjukkan jalan (yang benar). Panggillah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapa-bapa mereka; itulah yang lebih adil pada sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu. Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu khilaf padanya, tetapi (yang ada dosanya) apa yang disengaja oleh hatimu. Dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*”

(Surah al-Ahzāb, 33: 4-5)

<sup>3</sup> *Staatsblad* adalah rujukan yang memuat mana-mana publikasi sama ada berupa maklumat, aturan, perundang-undangan, polisi yang dikeluarkan oleh Negara atau pemerintah yang berlaku pada masa kemerdekaan dahulu.

<sup>4</sup> Sumiati Usman, “Kedudukan Hukum Anak Angkat Terhadap Hak Waris,” 141.

Ayat di atas menerangkan bahawa kedudukan anak angkat dalam Islam bukanlah seperti anak kandung, dan nasab mereka masih tetap kepada ibu bapa kandung. Oleh itu, Islam mensyariatkan bahawa anak angkat tidak dinisbahkan kepada bapa angkatnya, melainkan tetap kepada bapa kandungnya. Dengan demikian, tali kekeluargaan anak angkat tersebut tidak terputus daripada ibu bapa asalnya. Dalam perkara ini, Islam membenarkan dan menggalakkan adanya pengambilan anak angkat, namun kebenaran tersebut terhad kepada memungut dan memelihara mereka dengan memberikan kecintaan, nafkah, pendidikan dan keperluan lain yang tidak dapat dipenuhi oleh ibu bapa asal mereka sahaja. Mengikut Sumiati Usman, dibenarkan pengambilan anak angkat menurut Islam apabila memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>5</sup>

- a. Tidak memutuskan tali kekeluargaan antara anak angkat dengan ibu bapa kandung dan keluarganya.
- b. Anak angkat tidak dapat menjadi ahli waris ibu bapa angkatnya, begitu sebaliknya melainkan menjadi ahli waris ibu bapa dan keluarga kandungnya.
- c. Anak angkat tidak dibenarkan menggunakan nama ibu bapa angkatnya secara langsung.
- d. Bapa angkat tidak boleh berperanan sebagai wali dalam perkahwinan anak angkatnya.

Dengan demikian, walaupun anak angkat menjadi anggota keluarga angkatnya dan sudah mempunyai jalinan yang kuat dengan keluarga angkatnya, tetapi ianya tidaklah meninggalkan sebarang kesanhukum kepada hubungan kekeluargaan termasuklah dalam permasalahan perwarisan. Oleh yang demikian, Kompilasi Hukum Islam (KHI) membenarkan amalan wasiat wajibah kepada anak angkat apabila ibu bapa angkat tidak memberikan wasiat semasa hidupnya. Ketetapan ini jelas sepertimana dalam pasal 209 yang menyatakan bahawa anak angkat yang tidak menerima wasiat akan diberikan wasiat wajibah tidak melebihi satu pertiga.<sup>6</sup> Ketetapan KHI ini bertujuan untuk memberikan keadilan antara anak angkat dengan ibu bapa angkatnya yang sudah mempuayai

<sup>5</sup> Sumiati Usman, "Kedudukan Hukum Anak Angkat Terhadap Hak Waris," 144.

<sup>6</sup> Undang-Undang RI Nomor 1 Tahun 1974, 376.

ikatan kekeluargaan yang kuat antara satu dengan lainnya. Sekiranya anak angkat tersebut tidak menerima sebarang harta pusaka yang dimiliki oleh ibu bapa angkatnya, maka ia adalah suatu perkara yang kurang adil.<sup>7</sup>

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, penulis tertarik untuk mengkaji tentang ketetapan yang terdapat dalam KHI. KHI merupakan antara rujukan bagi hakim dalam memutuskan perkara yang berkaitan dengan pemberian wasiat wajibah kepada anak angkat. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis metode penghakiman yang digunakan oleh para hakim dalam memutuskan pemberian wasiat wajibah kepada anak angkat menurut perspektif syarak di Indonesia.

## TINJAUAN LITERATUR

Terdapat kajian-kajian terdahulu yang mengkaji tentang hak perwarisan bagi anak angkat seperti kajian yang dijalankan oleh Fitria<sup>8</sup> yang mengkaji tentang kedudukan hak waris anak angkat dalam hukum Barat, hukum adat Jambi, dan hukum Islam. Dapatkan kajiannya menunjukkan bahawa menurut hukum perwarisan Barat atau Kitab Undang-Undang Hukum Sivil (KUH Sivil), hak perwarisan bagi anak angkat adalah sama dengan hak perwarisan bagi anak kandung. Keadaan ini selaras dengan kajian Sumiati Usman yang menyatakan bahawa status anak angkat di dalam *staatsblad* 1917 no. 129 adalah ibarat anak kandung kepada orang yang menjaganya. Pengambilan anak angkat akan mengakibatkan perpindahan keluarga daripada ibu bapa kandung kepada orang yang mengambilnya sebagai anak. Oleh itu, sebarang urusan berkaitan dengan perwarisan harta turut dikira sebagai keluarga kandung.<sup>9</sup> Berbeza pula dengan hukum adat Suku Melayu

<sup>7</sup> Destri Budi Nurgraheni, Haniah Ilhami dan Yulkarnaini Harahab, "Pengaturan dan Implementasi Wasiat Wajibah di Indonesia," *Mimbar Hukum* 22, no. 2 (2010), 316.

<sup>8</sup> Fitria, "Kedudukan anak angkat dalam pewarisan menurut hukum Islam, hukum adat suku Melayu Jambi, dan peraturan perundang-undangan di Indonesia," (Tesis Sarjana, Universitas Indonesia, Jakarta, 2010), vii.

<sup>9</sup> Sumiati Usman, "Kedudukan Hukum Anak Angkat Terhadap Hak Waris," 136.

Jambi yang terhad dalam mewarisi harta *gono gini* (tidak jelas sumbernya) dan tidak mewarisi harta pusaka yang jumlahnya tidak boleh melebihi 1/3 harta.

Sementara itu, dalam hukum Islam, anak angkat tidak diperakui sebagai ahli waris kepada ibu bapa angkatnya. Pengambilan anak angkat adakalanya mengakibatkan terputusnya hubungan antara anak angkat dengan ibu bapa kandung, sehingga mereka tidak dapat mewarisi pusaka daripada kedua-dua ibu bapa kandungnya. Namun demikian, KHI dan Pasal 39 Undang-Undang Nombor 23 Tahun 2002 menyatakan bahawa pengambilan anak angkat hanya dapat dilakukan untuk kepentingan terbaik bagi anak serta tidak memutuskan hubungan pertalian darah. Oleh yang demikian, anak angkat juga sepatutnya menjadi ahli waris kepada ibu bapa kandungnya kerana adanya hubungan darah.

Kajian di atas selari dengan kajian yang dijalankan oleh Jiiy Ji'ronah Muayyanah yang mengkaji tentang anak angkat dan kedudukannya dalam perwarisan serta amalannya di pejabat pengadilan Kendal. Kajiannya mendapati bahawa anak angkat tetap berasas kepada ibu bapa kandungnya dan tidak boleh menjadi ahli waris ibu bapa angkatnya. Namun demikian, anak angkat berhak mendapat hak perwarisan melalui wasiat wajibah yang tidak melebihi daripada 1/3 bahagian. Dalam kajian lapangannya, hakim di Kendal memberikan bahagian 1/8 atau 1/10 sahaja.<sup>10</sup> Kajian ini juga selari dengan kajian Pagar yang menyebutkan bahawa anak angkat berhak mendapatkan hak perwarisan melalui wasiat wajibah dengan kadar harta tidak melebihi daripada sepertiga daripada harta pusaka. Hal ini berlaku sekiranya pewaris tidak mewasiatkan kepada anak angkat sebelum meninggal dunia.<sup>11</sup> Berkaitan isu perwarisan anak angkat, sememangnya amalan di mahkamah tidak bertentangan dengan ajaran Islam, tetapi dengan menggunakan istilah wasiat biasa, dan

<sup>10</sup> Jiiy Ji'ronah Muayyanah, "Tinjauan Hukum terhadap Pengangkatan Anak dan Akibat Hukumnya dalam Pembahagian Warisan Menurut Hukum Islam dan Kompilasi Hukum Islam," (Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro, Semarang, 2010), vii.

<sup>11</sup> Pagar, "Kedudukan Anak Angkat dalam Warisan, Suatu Telaah pada Pembaharuan Hukum Islam Indonesia," *Mimbar Hukum* 54 (2004), 14.

bukannya wasiat wajibah. Ini yang menjadikan penulis tertarik untuk mengkaji permasalahan ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian deskriptif kualitatif dengan menggunakan pendekatan gabungan antara kajian undang-undang normatif (*law in book*) dan kajian undang-undang empiris (*law in action*) terhadap peraturan wasiat wajibah dan amalannya melalui keputusan-keputusan mahkamah oleh Mahkamah Agung dan Mahkamah Agama di Jawa Timur. Melalui reka bentuk kajian kualitatif, penulismemberikan tumpuan kepada fenomena yang sudah dan sedang berlaku. Justeru, penulis dapat memahami secara mendalam tentang fenomena yang menjadi kajian penulis.<sup>12</sup>

Dalam memilih subjek kajian, penulis menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*); iaitu memilih sumber data tertentu dengan pertimbangan tertentu.<sup>13</sup> Responden dalam kajian ini adalah seramai 16 orang hakim yang terdiri daripadaseorang Hakim Agung, empat orang Hakim Tinggi Agama daripada Mahkamah Tinggi Agama (MTA) dan 11 orang Hakim Tahap I daripada Mahkamah Agama atau Mahkamah Rendah di sesetengah daerah di wilayah Jawa Timur, Indonesia.

Penulis menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan dokumentasi. Temu bual, iaitu perjumpaan di antara penulis dengan responden dilakukan untuk bertukar maklumat melalui soalan-soalan yang diberikan sehingga dapat dibina makna yang berkenaan dengan topik tertentu. Bentuk kaedah temu bual dalam kajian ini adalah separa berstruktur (*semi structured interview*), di mana penulis berhasrat untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan terbuka. Penulis melengkapkan beberapa soalan yang berkaitan dengan topik kajian penulis. Dalam masa yang sama, penulis juga memberikan soalan tambahan semasa proses temu bual dijalankan sekiranya diperlukan.

---

<sup>12</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Asas Statistik Pengkajian Buku 2* (Malaysia: McGraw-Hill, 2006), 47.

<sup>13</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Asas Statistik Pengkajian Buku 2*, 301.

Manakala dokumentasi adalah kaedah pengumpulan data yang menggunakan dokumen sebagai data. Dokumen merupakan catatan kejadian lepas, sama ada dalam bentuk tulisan, gambar mahupun karya-karya seseorang.<sup>14</sup> Dalam kajian ini, dokumen yang dikumpulkan adalah berupa perundangan, iaitu hasil keputusan mahkamah yang berkaitan dengan wasiat wajibah kepada ahli waris yang berbeza agama.

Dalam kajian ini, penulis menganalisis data kualitatif deskriptif menggunakan pendekatan yang telah dikemukakan oleh Miles dan Huberman dalam Sugiyono<sup>15</sup> yang menyatakan bahawa analisis data dalam kajian kualitatif dilakukan secara berterusan dan interaktif sehingga selesai, meliputi pengumpulan data (*data collection*), penyajian data (*data display*), reduksi data (*data reduction*) dan penarikan kesimpulan (*conclusion*).

## **METODE PENGHAKIMAN BAGIKES NO 459/PDT.G/2013/ PTA SBY BERKAITAN WASIAT WASIAT WAJIBAH KEPADAA ANAK ANGKAT**

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kes no 459/Pdt.G/2013/PTA Sby sebagai perwakilan terhadap kes-kes lain yang mempunyai keputusan yang sama, iaitu memberikan wasiat wajibah kepada anak angkat. Selain itu, kes ini dipilih sebagai gambaran umum yang berlaku dalam masyarakat tempatan berkaitan dengan isu mengambil anak angkat. Dalam kes ini, seorang lelaki meninggal dunia dan tidak meninggalkan ibu bapa, isteri serta anak kandung walaupun seorang. Namun demikian, lelaki tersebut meninggalkan seorang anak angkat, dua saudara perempuan dan seorang saudara lelaki yang pada ketika itu sudah meninggal terlebih dahulu, sehingga kedudukan dua saudara perempuan dan seorang saudara lelaki tersebut digantikan oleh anak-anak mereka. Saudara perempuan kandung pertama mempunyai dua orang anak, lelaki dan perempuan. Manakala saudara lelaki kandung mempunyai enam orang anak, iaitu dua lelaki dan empat perempuan. Saudara

---

<sup>14</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Asas Statistik Pengkajian* Buku 2, 326.

<sup>15</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Asas Statistik Pengkajian* Buku 2, 334.

perempuan yang terakhir pula hanya mempunyai seorang anak sahaja.

Dalam kes ini, hakim memberikan harta kepada anak angkat sebanyak 1/20 daripada bahagian harta si mati. Manakala selebihnya dibahagikan kepada anak-anak daripada saudara perempuan dan saudara lelaki kandung pewaris. Selain daripada itu, segala harta benda milik pewaris yang telah dihibahkan kepada anak angkatnya berupa bangunan dan motosikal ditarik kembali oleh hakim dan dinyatakan tidak mempunyai undang-undang yang sah dalam kes ini. Manakala harta pusaka yang ditinggalkan adalah sebidang tanah dengan keluasan 4.710 m<sup>2</sup>.

Setelah melalui beberapa peringkat perbicaraan, maka hakim memutuskan bahawa:

- a. Menetapkan kedudukan saudara-saudara kandung pewaris (lelaki yang meninggal) yang telah meninggal terlebih dahulu digantikan oleh anak mereka.
- b. Bagi memudahkan pembahagian harta pusaka kepada ahli waris pewaris, maka hakim menetapkan harta peninggalan dikira dengan pecahan 50/50 (lima puluh per lima puluh).
- c. Majlis Hakim Banding (Rayuan) menyemak dan mengubah jumlah bahagian wasiat wajibah yang diperoleh anak angkat. Dengan demikian, Hakim Rayuan menetapkan bahawa anak angkat tersebut menerima wasiat wajibah sebanyak 2/50 (dua per lima puluh) daripada harta bapa angkatnya.
- d. Menetapkan 48/50 (baki setelah diambil bahagian wasiat wajibah) merupakan bahagian yang dibahagikan kepada masing-masing ahli waris pewaris.

Apa yang menjadi landasan hukum dalam pengambilan keputusan tersebut adalah ketetapan dalam KHI fasal 185 ayat (1) yang menyatakan bahawa ahli waris yang meninggal terlebih dahulu daripada pewaris, maka kedudukannya dapat digantikan oleh anaknya. Merujuk kepada asas keadilan, maka wasiat wajibah sepatutnya tidak melebihi bahagian ahli waris yang terkecil.

Dalam memutuskan perkara ini, hakim menggunakan beberapa metode, iaitu pertama tafsiran tatabahasa.<sup>16</sup> Metode ini digunakan ketika memberikan hak perwarisan kepada anak-anak saudara pewaris untuk menggantikan kedudukan saudara pewaris yang terlebih dahulu wafat berbanding pewaris. Hakim bersandarkan kepada fasal 185 KHI yang menentukan perwarisan ahli waris pengganti.<sup>17</sup> Pandangan ini seperti yang disampaikan oleh Hakim Mulyani, Hakim Tamali dan Hakim Eni Rianing Taro. Tambahan pula, menurut Hakim Zamroni, hakim menggunakan tafsiran tatabahasa ketika memberikan bahagian waris kepada anak angkat pewaris dengan jalan wasiat wajibah yang semula dianggap sangat banyak dan melanggar nilai-nilai sewajarnya dan keadilan, iaitu 1/3 menjadi 2/50 bahagian daripada harta pusaka yang ada dengan berhujah kepada KHI fasal 209.<sup>18</sup>

Manakala metode kedua yang digunakan oleh hakim adalah *maslahah al-mursalah* seperti mana yang disampaikan oleh Hakim Tinggi Muzni Ilyas. Menurutnya, metode ini digunakan sebagai pertimbangan ketika membatalkan kembali seluruh harta yang pernah dihibahkan kepada anak angkatnya untuk menjaga hati ahli waris yang lain. Hal ini kerana anak angkat telah mendapat asuhan dan didikan daripada ibu bapa angkatnya, sehingga dianggap tidak layak untuk menerima hibah kembali, apatah lagi pewaris tidak memberikannya kepada ahli waris yang lain.<sup>19</sup>

Seterusnya, mengikut Hakim Tinggi Muzni Ilyas, metode ketiga yang digunakan hakim dalam memutuskan kes ini adalah

---

<sup>16</sup> Tafsiran tatabahasa adalah tafsiran perkataan-perkataan dalam undang-undang sesuai dengan norma-norma kebahasaan. Sudikno Mertokusumo dan A. Plito, *Bab-bab tentang Penemuan Hukum*, Cet.2 (Bandung: Citra Aditya Bakti, 2013), 14.

<sup>17</sup> Mulyani, Tamali dan Eni Rianing Taro (Hakim Agama Mahkamah Agama Mojokerto), dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

<sup>18</sup> Zamroni (Hakim Agama, Mahkamah Agama Sumenep), dalam temu bual dengan penulis, 23 Januari 2017.

<sup>19</sup> Muzni Ilyas (Hakim Tinggi Agama, Mahkamah Tinggi Jawa Timur), dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

tafsiran teleologi.<sup>20</sup> Tafsiran ini digunakan dengan melihat kepada nilai yang ada dalam masyarakat, sesuai dengan tujuan undang-undang itu sendiri. Dengan demikian, undang-undang yang ada telah disesuaikan dengan kes yang dikemukakan kepada hakim.<sup>21</sup>

Seterusnya, menurut Hakim Tinggi Hasan Bisri, metode *argumentum a per analogium*<sup>22</sup> turut digunakan semasa penghakiman. Hakim menggunakan metode ini ketika membatalkan hibah daripada pewaris kepada anak angkatnya. Ini berdasarkan kepada pasal 212 yang menyatakan bahawa “Hibah tidak dapat ditarik kembali, kecuali hibah orang tua kepada anaknya”. Dalam hal ini hakim menganalogikan “anak” tersebut kepada anak angkat pewaris tersebut.<sup>23</sup>

## ANALISIS KEPUTUSAN DAN METODE PENGHAKIMAN MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

Berdasarkan kepada keputusan di atas, penulis berpandangan bahawa terdapat keputusan yang selari dengan syarak dan ada juga yang sebaliknya. Keputusan yang tidak bersesuaian adalah seperti ahli waris pengganti yang menggantikan kedudukan ibu atau bapanya. Dalam hal ini sepatutnya apabila si mati adalah saudara lelaki, sedangkan ianya tidak mempunyai anak mahupun bapa

---

<sup>20</sup> Yang dimaksud dengan tafsiran teleologi adalah pemaknaan suatu hukum yang ditafsirkan berdasarkan tujuan pembuatan hukum dan apa yang ingin dicapai di masyarakat. Tafsiran teleologi ini sama makna dengan tafsiran sosial dimana mengamalkan undang-undang yang lama disesuaikan dengan kondisi sosial masyarakat saat ini. Sudikno Mertokusumo dan A. Plito, *Bab-Bab tentang Penemuan Hukum*, 16.

<sup>21</sup> Zamroni (Hakim Agama, Mahkamah Agama Sumenep), dalam temu bual dengan penulis, 23 Januari 2017.

<sup>22</sup> Metode *argumentum a per analogium* adalah metode penghakiman yang digunakan untuk memutuskan sesebuah perkara baru yang tidak wujud dalam undang-undang kemudian dicarikan hukumnya melalui perkara yang sejenis atau serupa yang digubal dalam undang-undang. Sudikno Mertokusumo dan A. Plito, *Bab-bab tentang Penemuan Hukum*, 21.

<sup>23</sup> Hasan Bisri (Hakim Tinggi, Mahkamah Tinggi Agama Jawa Timur), dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

dan saudara-saudaranya telah meninggal, maka yang menjadi ahli waris adalah anak lelaki daripada saudara lelaki sahaja.<sup>24</sup> Anak saudara lelaki ini menjadi ‘*aṣabah* yang akan menerima semua baki harta. Namun demikian, dalam kes ini hakim memberikan bahagian kepada semua anak saudara pewaris, sama ada lelaki mahupun perempuan. Sedangkan dalam kes ini masih terdapat ahli waris yang mana kedudukannya sebagai ‘*aṣabah*, iaitu anak lelaki daripada saudara lelaki pewaris sahaja. Oleh yang demikian, keputusan penghakiman dengan memberikan kepada semua anak saudara pewaris termasuk saudara perempuan pada hakikatnya tidak selari dengan syarak.

Manakala keputusan kedua pula yang memberikan 2/50 bahagian kepada anak angkat merupakan keputusan yang sesuai dengan ketetapan dalam KHI fasal 209, iaitu memberikan wasiat wajibah kepada anak angkat sebanyak 1/3 bahagian. Namun demikian, apabila dianalisis tentang kesesuaian keputusan penghakiman dengan syarak, maka menurut penulis pemberian wasiat wajibah kepada anak angkat merupakan keputusan yang kurang tepat. Hal ini disebabkan Islam secara jelas menyatakan bahawa kedudukan anak angkat tidak sama dengan anak kandung, dan ianya tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan ibu bapa angkatnya. Bahkan walaupun sesebuah keluarga mengambil anak angkat sejak bayi sekalipun, maka nama anak angkat tidak boleh dinisbahkan kepada bapa angkatnya melainkan tetap kepada bapa kandungnya.

Seperti mana dalam Surah al-Āḥzāb ayat 4-5 yang menjelaskan bahawa anak angkat tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan ibu bapa angkatnya melainkan hanya hubungan pengasuhan dan pemeliharaan serta pemenuhan keperluan sara hidupnya sahaja. Oleh yang demikian, berkaitan dengan hukum Islam, ianya tetap dianggap sebagai bukan ahli waris. Lebih-lebih lagi dalam masalah perwarisan, sepertimana yang menjadi kesepakatan jumhur ulama bahawa faktor seseorang itu layak menerima harta pusaka ialah disebabkan terdapat hubungan darah, perkahwinan

---

<sup>24</sup> Sajuti Thalib, *Hukum Kewarisan di Indonesia* (Jakarta: Sinar Grafika, 2000), 76-83.

dan memerdekan hamba sahaya.<sup>25</sup> Oleh yang demikian, tidak sepatutnya anak angkat menerima harta pusaka bapa angkatnya.

Sememangnya para hakim mengiktiraf bahawa anak angkat tidak tergolong sebagai ahli waris sehingga ianya diberikan harta peninggalan melalui wasiat wajibah. Ini dianggap sebagai jalan yang diambil oleh hakim agar tidak bercanggah dengan syarak, tetapi tetap memperhatikan keadaan realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Namun demikian, dalam pandangan penulis berdasarkan sejarah Islam, pengambilan anak angkat telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW. Islam hanya menentukan kedudukan anak angkat bagi ibu bapa angkat sahaja sebagaimana dalam surah al-Ahzab ayat 4-5, namun tidak pernah menentukan dan mewajibkan umatnya untuk memberikan apa-apa bahagian kepada anak angkat. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sesebuah keluarga Muslim mengambil anak angkat itu dengan tidak memberikan apa-apa harta kepada anak angkat, maka ianya tidak dikira berdosa. Sekiranya ibu bapa angkatnya memikirkan tentang masa depan anak angkat yang telah diasuh sejak kecil, maka sepatutnya ibu bapa angkat itu semasa hayatnya telah berwasiat untuk memberikan sebahagian harta yang dimilikinya.

Seterusnya, berkaitan dengan metode penghakiman, dalam pandangan penulis, penggunaan metode tafsiran tatabahasa terhadap KHI fasal 185 adalah bertentangan dengan hukum pusaka Islam. Ini disebabkan dalam kes ini saudara pewaris telah meninggal terlebih dahulu. Sepatutnya yang menjadi ahli waris adalah anak saudara lelakinya (anak saudaranya) secara langsung, bukan dalam kedudukan menggantikan ibu atau bapanya yang meninggal terlebih dahulu. Akan tetapi hakim memberikan bahagian anak sesuai dengan kelayakan ibu bapanya (saudara pewaris), bukan berdasarkan perwarisan yang diterima secara langsung oleh anak. Sepatutnya hakim tidak merujuk kepada KHI fasal 185, tetapi merujuk kepada tatacara yang menentukan sistem *hijab* dan *mahjub* dalam Syarak. Disebabkan pewaris tidak meninggalkan ahli waris melainkan anak saudara lelaki dan

<sup>25</sup> M. Muhyidin Abd. Hamid, *Panduan Waris Empat Madzhab*, Terj. Wahyudi Abdurrahim (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2009), 14. M. Ali Ash-Shabuni, *Pembagian Waris Menurut Islam* (Jakarta:Gema Insani, 1995), 38-39. Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, *Fiqih Mawaris* (Semarang: PT. Pustaka Riski Putra, 1987), 29-30.

anak saudara perempuan, maka sepatutnya anak lelaki daripada saudara lelaki pewaris menjadi ‘*aṣabah bi al-nafs*’. Namun dalam kes ini, hakim memberikan harta tersebut kepada anak lelaki dan anak perempuan, sama ada daripada saudara lelaki dan saudara perempuan melalui ahli waris pengganti.

Begitu pula dengan penggunaan tafsiran gramatikal terhadap KHI fasal 209 dalam memberikan bahagian waris kepada anak angkat pewaris melalui wasiat wajibah.<sup>26</sup> Menurut penulis, secara hakikatnya tiada permasalahan dalam penggunaan metode ini, tetapi kandungan daripada KHI fasal 209 perlu ditinjau semula terhadap wasiat bagi anak angkat yang diwajibkan, meskipun pewaris tidak berwasiat.

Manakala dalam kes ini metode *maṣlahah al-mursalah* digunakan sebagai pertimbangan untuk membatalkan semula harta yang pernah dihibahkan kepada anak angkatnya bagi menjaga hati ahli waris yang lain.<sup>27</sup> Namun demikian, penulis berpendapat bahawa prinsip *maṣlahah al-mursalah* yang digunakan oleh hakim adalah bertentangan dengan dalil syarak disebabkan terdapat dalil khusus yang melarang untuk membatalkan hibah, kecuali kepada anaknya sendiri. Sememangnya *maṣlahah al-mursalah* itu tidak disokong oleh *nas* secara khusus, tetapi terdapat kesesuaian dengan tujuan syarak<sup>28</sup> dan juga ketiadaan dalil syarak yang memerintahkannya untuk mengambil atau mengabaikannya. Walau bagaimanapun, terdapat dalil yang melarang daripada perbuatan membatalkan hibah sebagaimana difahami melalui hadis Rasulullah SAW:

لِيْسَ لَنَا مُثْلُ السَّوْءِ الْعَائِدِ فِي هَبَتِهِ كَالْكَلْبُ يَقِيعٌ ثُمَّ يَعُودُ فِي هَبَتِهِ<sup>29</sup>

<sup>26</sup> Zamroni (Hakim Agama, Mahkamah Agama Sumenep), dalam temu bual dengan penulis, 23 Januari 2017.

<sup>27</sup> Muzni Ilyas (Hakim Tinggi Agama, Mahkamah Tinggi Jawa Timur), dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

<sup>28</sup> Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*, vol. 1 (Qāhirah: Maktabah al-Tijāriyah, t.t.), 39.

<sup>29</sup> ‘Abd Allah Muḥammad Isma‘il al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab al Hibah, Bab Lā Yaḥil li Ahadīn an yurji’ a fī hibatihī wa sadaqatihī, (Qāhirah: Dār al-Hadīth, 1984), no. hadith 2622. Imam Muslim, *Saḥīḥ Muslim*, Kitab al Hibāt, Bab Tahrīmu al-rujū’ fī al-sadaqah, (Qāhirah: Dār al-Hadīth, 1988), no. hadith 1622.

Terjemahan: “*Bukan milik kami sifat yang jelek. Orang yang mengambil kembali hibahnya, kedudukannya seperti anjing yang kembali memakan muntahannya*”

Contoh yang dinyatakan dalam hadis di atas merupakan sesuatu yang dicela ataupun dilarang. Anjing merupakan binatang yang dikategorikan sebagai najis. Perumpamaan seekor anjing memakan muntahnya semula menggambarkan bahawa ia sesuatu yang sangat menjijikkan. Ini disebabkan pada hakikatnya ketika harta tersebut dihibah, pemilikan harta tersebut telah berpindah kepada orang yang menerimanya. Namun, hibah tersebut boleh ditarik semula jika hibah tersebut dari ibu bapa kepada anaknya, sesuai dengan sabda Rasulullah SAW:

لا يحل لرجل أن يعطي عطية أو هبة فيرجع فيها إلا الوالد  
فيما يعطي ولده<sup>30</sup>

Terjemahan: “*Tidak halal bagi seorang muslim memberikan suatu pemberian atau memberikan hibah kemudian mengambilnya kembali, kecuali pemberian seorang ayah kepada anaknya.*”

Tidak menutup kemungkinan bahawa hibah yang dilakukan oleh pewaris dalam kes ini menunjukkan cara beliau menyayangi anak angkat yang telah memiliki hubungan psikologi dan emosi yang rapat dengannya. Apakah lagi dalam kes ini, pewaris tidak memiliki keturunan sehingga anak angkat tersebut menjadi penyejuk matanya. Selain itu, pewaris menjadikan hibah sebagai jalan untuk memberikan sebahagian daripada harta yang dimiliki kepada anak angkatnya. Penulis tidak melihat terdapatnya peraturan, sama ada dalam hukum Islam maupun undang-undang konvensional yang melarang untuk memberikan hibah kepada sesiapa termasuklah anak angkat.

<sup>30</sup> Imam Abu Dawud al Sijistani, *Sunan Abū Dāud*, Kitab al-Buyū’, Bab al-Rujū’ fī al-Hibah (Beirut: Maktab al-Dirāsat wa al-buhūth fi Dār al-Fikr, t.t), no. hadith 3539. Muhammad bin Isa bin Surah at-Turmuzi, *al-Jamī’ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Turmuzi*, Kitab al-Buyū’, Bab Mā ja’ a fī al-Rujū’ fī al-Hibah (Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi, 1977), no. hadith 1299.

Seterusnya, metode ketiga yang digunakan hakim dalam memutuskan kes ini adalah tafsiran teleologi. Hakim menggunakan tafsiran ini dengan melihat nilai-nilai yang lazim dalam masyarakat sesuai dengan tujuan diwujudkan undang-undang itu sendiri. Dengan demikian, undang-undang yang ada disesuaikan dengan kes yang baru dan keputusan itu dianggap adil oleh hakim.<sup>31</sup> Penulis berpandangan dalam kes ini, secara teleologinya hakim menetapkan pemberian hak hibah kepada anak angkat secara sempurna. Manakala baki harta peninggalan diberikan kepada ahli waris yang ada. Dalam masa yang sama, hakim memberikan wasiat wajibah kepada anak angkat, sedangkan pada dasarnya pewaris tidak berwasiat kepada mereka.

Manakala penggunaan metode *argumentum a per analogium* digunakan oleh hakim untuk mencabut hibah daripada pewaris kepada anak angkatnya berdasarkan kepada fasal 212 yang menyatakan bahawa “hibah tidak dapat ditarik kembali kecuali hibah orang tua kepada anaknya.” Dalam hal ini hakim menganalogikan anak termasuk kepada anak angkat pewaris tersebut.<sup>32</sup> Penulis berpandangan bahawa analogi yang digunakan oleh hakim tersebut adalah bertentangan dengan dalil syarak kerana menurut perspektif syarak, anak angkat tidak pernah sama dengan anak kandung. Bahkan dengan tegas Allah SWT melarang penasaban anak angkat kepada ibu bapa angkatnya. Di sini hakim tidak boleh menganalogikan nasab anak angkat seperti anak kandung, demikian juga ibu bapa angkat tidak boleh mengambil semula hibah yang diberikan kepada anak angkat yang dianalogikan kepada kebenaran mencabut hibah kepada anak kandung. Oleh itu, harta yang telah diberikan kepada anak angkat sepatutnya mutlak menjadi miliknya.

---

<sup>31</sup> Zamroni (Hakim Agama, Mahkamah Agama Sumenep), dalam temu bual dengan penulis, 23 Januari 2017.

<sup>32</sup> Hasan Bisri (Hakim Tinggi, Mahkamah Tinggi Agama Jawa Timur), dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

## KESIMPULAN

Keputusan hakim menjadikan ahli waris pengganti bagi anak lelaki mahupun anak perempuan saudara untuk menggantikan kedudukan ibu atau bapanya bukanlah keputusan yang tepat. Ini disebabkan pada hakikatnya anak lelaki daripada saudara yang berhak menjadi ahli waris sebagai *asabah bi al-nafs* kerana yang meninggal tidak meninggalkan bapa dan anak seorang pun. Begitu pula keputusan hakim memberikan wasiat wajibah kepada anak angkat juga merupakan keputusan yang tidak tepat. Ini kerana, jika ibu bapa angkat ingin memberikan hartanya kepada anak angkat, maka mereka boleh menggunakan bentuk lain seperti wasiat biasa.

Metode penghakiman yang digunakan oleh hakim dalam membuat keputusan tersebut iaitu metode pentafsiran tatabahasa terhadap KHI fasal 185 tentang ahli waris pengganti dan fasal 209 tentang wasiat wajibah bagi anak angkat pula, pada hakikatnya diperbolehkan. Walau bagaimanapun, metode ini lebih sesuai? digunakan untuk mentafsirkan ketentuan yang terdapat pada syarak. Manakala metode *maṣlahah al-mursalah* dan *argumentum per analogium* kurang sesuai digunakan dalam membuat keputusan menarik kembali hibah yang diberikan kepada anak angkat. Ia juga tidak bersesuaian dengan hukum syarak kerana kedudukan anak angkat tetap berbeza dengan anak kandung dan tidak boleh disamakan kedudukan kedua-duanya. Secara amnya, dapat disimpulkan bahawa tidak semua keputusan hakim mahupun metode penghakiman yang digunakan bersesuaian dengan syarak, sehingga perlu diadakan semakan semula terhadap keputusan yang telah dibuat.

## RUJUKAN

- Abd. Hamid, M. Muhyidin. *Panduan Waris Empat Madzhab*. Terj. Wahyudi Abdurrahim. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2009.
- Al-Bukhārī, ‘Abd Allah Muḥammad Isma‘il. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1984.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah dan Statistik Pengkajian: Asas Statistik Pengkajian Buku 2*. Malaysia: McGraw-Hill, 2006.
- Destri Budi Nurgraheni, Haniah Ilhami dan Yulkarnaini Harahab. “Pengaturan dan Implementasi Wasiat Wajibah di Indonesia.” *Mimbar Hukum* 22, no. 2 (2010), 311-329.
- Fitria. “Kedudukan Anak Angkat dalam Pewarisan Menurut Hukum Islam, Hukum Adat suku Melayu Jambi, dan peraturan perundang-undangan di Indonesia.” (Tesis Sarjana, Universitas Indonesia, Jakarta, 2010).
- Imam Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 1988.
- Jiyy Ji’ronah Muayyanah. “Tinjauan Hukum terhadap Pengangkatan Anak dan Akibat Hukumnya dalam Pembahagian Warisan Menurut Hukum Islam dan Kompilasi Hukum Islam.” (Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro, Semarang, 2010).
- Mertokusumo, Sudikno dan Plito, A. *Bab-bab tentang Penemuan Hukum*. Cet.2. Bandung: Citra Aditya Bakti, 2013.
- Pagar, “Kedudukan anak angkat dalam warisan, suatu telaah pada pembaharuan hukum Islam Indonesia,” *Mimbar Hukum* 54 (2004), 14-23.
- Al-Shāṭibī. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah*. Vol. 1. Qāhirah: Maktabah al-Tijāriyah, t.t.
- Ash-Shabuni, M. Ali. *Pembagian Waris Menurut Islam*. Jakarta: Gema Insani, 1995.
- Ash-Shiddieqy, Muhammad Hasbi. *Fiqih Mawaris*. Semarang: PT. Pustaka Riski Putra, 1987.

Wasiat Wajibah kepada Anak Angkat: Analisis terhadap Keputusan dan Metode Penghakiman dalam Kes No 459/Pdt.G/2013/PTA Sby

Al-Sijistani, Imam Abu Dawud. *Sunan Abū Dāud*. Beirut: Maktab al-Dirāsat wa al-Buhūth fi Dār al-Fikr, t.t.

Sumiati Usman. "Kedudukan Hukum Anak Angkat Terhadap Hak Waris." *Lex Privatum* 1, no. 4(2013), 136-147.

Thalib, Sajuti. *Hukum Kewarisan di Indonesia*. Jakarta: Sinar Grafika, 2000.

Al-Turmuzi, Muhammad bin Isa bin Surah. *Al-Jamī' al-Ṣahīḥ Sunan al-Turmuzi*. Qāhirah: Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabī, 1977.

## Statut

Undang-Undang RI Nomor 1 Tahun 1974.

## Temu bual

Agus Dimyati. Hakim Tinggi, Mahkamah Tinggi Agama Jawa Timur. Dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

Ahmad Husni. Hakim Mahkamah Agama Jombang. Dalam temu bual dengan penulis, 2 Mac 2017.

Amran Suadi. Hakim Agung, Mahkamah Agung R.I. Dalam temu bual dengan penulis, 7 Mac 2017.

Eni Rianing Taro. Hakim Agama Mahkamah Agama Mojokerto. Dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

Hasan Bisri. Hakim Tinggi, Mahkamah Tinggi Agama Jawa Timur. Dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

Muhammad Rum Nessa. Hakim Tinggi, Mahkamah Tinggi Agama Jawa Timur. Dalam temu bual dengan penulis, 6 Mac 2017.

Mulyani. Hakim Agama Mahkamah Agama Mojokerto. Dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

Muzni Ilyas. Hakim Tinggi Agama, Mahkamah Tinggi Jawa Timur. Dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

Suyatman. Hakim Mahkamah Agama Jombang. Dalam temu bual

dengan penulis, 2 Mac 2017.

Tamali. Hakim Agama Mahkamah Agama Mojokerto. Dalam temu bual dengan penulis, 3 Mac 2017.

Zamroni. Hakim Agama, Mahkamah Agama Sumenep. Dalam temu bual dengan penulis, 23 Januari 2017.